



Suara

BANDARAYA

NO. 100 KT. 1996
ISSUE NO. 1194
NASKAH PERCUMA

PEMBANGUNAN BANDAR YANG MAMPAK

WAN ABDULLAH GHANI

Ketua-ketua kerajaan dan delegasi dari 124 negara bersepakat dan bersetuju dengan 15 perkara yang digariskan dalam Pengistiharan Istanbul mengenai Penempatan Manusia. Strategi dan rancangan tindakan yang dijalankan oleh setiap negara seboleh-bolehnya selaras dan tidak bertentangan dengan matlamat, komitmen dan rancangan tindakan yang dipersetujui bersama.

DBKL sebagai sebuah kerajaan tempatan tidak terlepas daripada melaksanakan perkara yang dipersetujui dan perlu diterapkan dalam kajian semula Pelan Struktur Kuala Lumpur dan urusan pentadbiran dan perancangan perbandaran bagi menghadapi abad ke 21. Garis panduan dan prinsip yang boleh diterima pakai boleh dilaksanakan mengikut situasi dan faktor setempat serta bersesuaian dengan keperluan perundangan yang dibekalkan.

Timbalan Pengarah, Haji Salleh Yusup dari Jabatan Perancang Ekonomi dan Kemudahan Sosial DBKL berkata, pembinaan perumahan yang mencukupi dan pembangunan bandar yang mampan merupakan tema Persidangan Habitat 11. Seramai 25 orang delegasi dari Malaysia yang diketuai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Ting Chew Peh menghadiri sidang itu. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff dan Haji Salleh Yusup turut serta dalam persidangan itu.

Beliau memberitahu, Persidangan Antarabangsa Mengenai Penempatan Manusia (United Nations Conference On Human Settlements-Habitat 11) yang diadakan di Istanbul, Turki itu menetapkan beberapa Pelan Tindakan bagi membaiki kemiskinan bandar.

"Antara lain menyediakan tempat Bersepadu Mengenai Pembangunan Penempatan Manusia untuk memastikan peluang yang samsung dan adil diberikan kepada golongan miskin di bandar untuk mendapat tempat tinggal yang selesa dan menikmati perkhidmatan yang disediakan seperti keperluan asas, pendidikan, pekerjaan dan sara hidup, kesihatan, bekalan air bersih



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff dan Datuk Dr. Ting Chew Peh yang mewakili Malaysia ke Persidangan Habitat II di Turki.

dan pemetungan, kawasan lapang dan rekreasi dan memberi keutamaan khas kepada keperluan kaum wanita dan kanak-kanak.

"Di samping itu, peluang pekerjaan yang produktif bagi membolehkan golongan miskin bandar meningkatkan pendapatan dan memiliki taraf hidup yang lebih baik perlu disediakan. Penyertaan yang aktif dari semua pihak perlu ditingkatkan bagi memastikan golongan miskin bandar mendapat faedah dari pertumbuhan ekonomi yang pesat yang beraku di bandar," katanya kepada wakil SUARA BANDARAYA.

Menurut Haji Salleh Yusup, berdasarkan kepada prinsip dan matlamat yang ditetapkan, DBKL dalam usaha meningkatkan peranannya membaiki kualiti hidup masyarakat golongan berpendapatan rendah, sentiasa meletakkan kepentingan golongan ini penting dalam kemajuan Kuala Lumpur.

"Pendekatan dan strategi pembangunan yang berorientasikan kepada kesejahteraan para penghuninya perlu diutamakan. Setiap golongan masyarakat tanpa mengira latar belakang, perlu merasakan mereka adalah sebahagian daripada kehidupan bandar.



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff dan Melib Gokcek sedang berbincang tentang kerjasama yang dapat dimainkan oleh Kuala Lumpur dan Ankara.

"DBKL akan memastikan setiap golongan mendapat hak dan tempat yang sewajarnya melalui pendekatan pembangunan yang seimbang. Usaha memajukan kepentingan sesuatu golongan tidak seharusnya mengorbankan kepentingan golongan yang lain," katanya.

Beliau berkata, hampir semua unjuran yang dibuat mengenai penduduk bandar di negara-negara membangun menunjukkan bahawa penduduknya akan bertambah daripada 1.38 billion dalam tahun 1990 kepada 1.97 billion di akhir abad ke-20. Jumlah penduduk akan bertambah menjadi 4 billion



Rencana Menarik

SUARA BANDARAYA September / Oktober 1996

- 1 Pembangunan Bandar Yang Mampan.
- 2 Rencana Menarik.
- 3 Editorial
Dari pada Meja Datuk Bandar.
- 4 Pembangunan Bandar Yang Mampan (samb.),
Kasut Oh Kasut.
- 5 *Kuala Lumpur : Hope And Challenge.*
- 6 *Twin Cities, The Bridge Of Two Nations.*
- 7 *Kuala Lumpur : Hope And Challenge (samb.),*
Kuala Lumpur Masih Gemilang.
- 8 Rombongan Pelajar Korea
Terpesona.
- 9 Kesan Dadah Terhadap
Ekonomi Dan Sosial.

- 13 Konsert Getaran Jiwa
P. Ramlee Hebat
- 14 DBKL Menerima Anugerah
Tema
- 15 Album Bandaraya
- 16 Presiden Republik Uruguay
Lawat Taman Burung
- 17 Insuran Kelompok
Bantu Kakitangan DBKL.



- 23 Akhlak Mulia Gaya
Kehidupan Rakyat (samb),
Menzalimi Diri Sendiri.
- 24 Uji Dialog.
- 25 Peti Cadangan,
Sajak.
- 26 Kambing Jadi Rebutan.

- 10 / 11 Mengapa DBKL Memerlukan
Sistem Maklumat Geografi -
GIS.

- 18 / 19 Basmi Kemiskinan
Di Kuala Lumpur.
- 20 Gara-Gara Taun.
- 21 Ghani Rais Dianugerahkan
Gelaran Dato'.
- 22 Akhlak Mulia
Gaya Kehidupan Rakyat.



- 27 The Istanbul Declarations On
Human Settlements.
- 28 The Istanbul Declarations On
Human Settlements (samb.).



- 12 Kuching Perlu Kerjasama
DBKL,
Bakas JPO Rancang Lawat
Medan.



Suara Bandaraya

EDITORIAL

Penasihat:

Sanusi bin Samid

Editor:

Md. Dahalan bin Md. Noor

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat	
Bangunan DBKL	- 2916011
Hot Line (24 Jam)	- 4231127
Unit Kecemasan 24 Jam (JPBandar)	- 9843434
Skuad Penyelamat 24 Jam (DPengangkutan)	- 4220033
Aduan Awam	- 2934531
Aduan JKAL	- 2934531
Aduan JPPerumahan	- 2934531
JPesenan	- 2934531
JPenjaja	- 2934531
DPenguatkuasaan	- 4231133
DPengangkutan Bandar	- 2934531
JPPerumahan	- 2934531
Bhg. Keb. & Sukan	- 2934531
B. Ukur Bahan	- 2934531
Pej. Caw. Cheras	- 711889
Pej. Caw. Damansara	- 7182277
Pej. Cawangan	
Jln Kelang Lama	- 7826117
Pej. Caw. Kepong	- 6272900
Pej. Caw. Setapak	- 4211142

KUASAI PELBAGAI MAKLUMAT

Pegawai dan kakitangan DBKL perlu menguasai pelbagai maklumat dan teknologi terbaru untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada wargakota yang sentiasa memerlukan perkhidmatan yang berkualiti. Kita perlu menguasai teknologi maklumat sebagai aset terpenting dalam proses perubahan masa dan negara menjelang tahun 2,000. Sebagai pekerja, kita perlu pragmatik, proaktif dan sentiasa dapat menyesuaikan dasar-dasar kerajaan mengikut tuntutan masa di samping memiliki kesungguhan dalam menjadikan impian menjadi kenyataan.



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff

Pegawai dan kakitangan DBKL perlu mengetahui maklumat terbaru serta kemajuan terkini yang dicapai oleh bandar-bandar raya maju di seluruh dunia. Kita perlu prihatin mengenai permasalahan perkhidmatan serta kaedah-kaedah terbaik mengatasi masalah khalayak umum.

Tanpa memiliki pengetahuan dan maklumat secara meluas adalah sukar bagi pegawai dan kakitangan DBKL memberikan perkhidmatan dan pelbagai sumber teknologi untuk faedah wargakota. Setiap pekerja perlu berminat dalam bidang kerjaya masing-masing bagi memastikan pekerjaan

pilihannya itu benar-benar mencapai matlamat dan objektif DBKL. Adalah sangat merugikan sekiranya dalam tempoh perkhidmatan kita yang panjang hingga umur bersara dihabiskan begitu sahaja tanpa dedikasi dan minat yang mendalam

Pegawai dan kakitangan yang berkualiti berkemampuan mengatasi segala masalah dan cabaran zaman tanpa mengganggu gugat kerjaya masing-masing. Kita perlu mencatumkan pelbagai ideologi dan pendapat yang berbeza dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk Kuala Lumpur yang berjumlah 1.2 juta orang.

Kita yang mampu menguasai teknologi baru sudah pasti dapat memberi faedah dan laluan kepada kepentingan orang ramai. Teknologi canggih hari ini sentiasa berkembang di kalangan rakyat, kita yang lambat menyesuaikan diri akan ketinggalan dan memberi kerugian yang besar kepada organisasi dan wargakota.

Baru yang paling besar ialah kesukaran kakitangan melakukan dan menangani perubahan menyebabkan wargakota kecundang. Bukan mudah melakukan perubahan, apalagi mendahului zaman. Perubahan yang berlaku era moden ini terlalu pantas. Keahlian wargakota jauh berbeza dan mereka mudah menerima budaya perubahan dalam komuniti, taraf hidup, paradigma ekonomi, teknologi dan politik.

Semua perubahan tiada yang mustahil di Kuala Lumpur. Kejayaan perubahan itu bergantung kepada sikap dan minda pekerja DBKL serta bersedia menerima cabaran, sudah-tidaknya menjamin kerja yang berkualiti, produktif dan efisien. Tempoh yang ada sesuai untuk merenungi semula peranan dan tanggungjawab pekerja. Sudah tiba masa yang sesuai untuk menjana kekuatan dan minda melaksanakan perubahan yang dinamik